



# JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

## PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK

### *UKUR BAHAN*

KOD : B040

SUBJEK : AMALAN & ATURCARA  
JABATAN

TARIKH : 20 JUN 1994

MASA : 9.00 - 12.00 TGH

DILARANG MEMBUKA KERTAS  
SOALAN SEHINGGA  
DIARAHKAN

**ARAHAN KEPADA CALON-CALON:**

1. Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-sekali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.
2. Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.
3. Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.
4. Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.
5. Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.
6. Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.
7. Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.
8. Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.
9. Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada hila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.
10. Semua kertas jawapan mestilah disusun dan diikat dengan sempurna.
11. Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.
12. Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.
13. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.
14. Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.
15. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.

PERKARA : B040 - AMALAN & ATURCARA JABATANARAHAN KEPADA CALON

1. *Kertas ini mengandungi sebanyak lapan (8) soalan.  
Jawab Soalan 1 (wajib) dan mana-mana lima (5) soalan lain.*
2. *Tidak dibenarkan merujuk kepada Borang Kontrak Siri JKR 203 atau sebarang bahan rujukan lain.*
3. *Penggunaan mesin pengira (calculator) adalah dibenarkan.*

SOALAN 1 (WAJIB)

- a) Maklumat-maklumat mengenai satu projek yang baru diluluskan di peringkat Lembaga Tender adalah seperti berikut:

Projek : Membina dan menyiapkan Sekolah Rendah Kebangsaan, Jalan Tanjong, Negeri Sembilan.

No. Kontrak : JKR/IP/UB/101/94

Jumlah Kontrak : RM 9,750,000.00

'General Summary'

Bil.	Butiran	M/Surat	Jumlah
1.	Kerja-kerja Permulaan	m/s 5	RM 450,000.00
2.	Kerja Cerucuk	m/s 8	RM 210,000.00
3.	Bangunan Makmal	m/s 20	RM 4,200,000.00
4.	Bangunan Dewan	m/s 30	RM 3,400,000.00
5.	Kerja-kerja Luar Bangunan	m/s 34	RM 540,000.00
6.	Wang Kos Prima & Wang Peruntukan Sementara	m/s 36	RM 950,000.00
<b>JUMLAH DIBAWA KE 'FORM OF TENDER'</b>			<b>RM9,750,000.00</b>

Tempoh Kontrak : 24 bulan

Tarikh Mula : 10hb. Mei 1994

Tempoh Liabiliti  
Kecacatan : 12 bulan.

**Soalan 1 (Wajib) - (sambungan)**

Jawap soalan-soalan berikut berdasarkan maklumat-maklumat yang diberi:

(Tunjukkan pengiraan, jika perlu).

- i. Nyatakan tarikh siap kontrak.
- ii. Nyatakan tarikh (bermula dan berakhir) bagi Polisi-polisi Insuran Liabiliti Awam, Insuran untuk Kerja dan Insuran Pampasan Pekerja.
- iii. Kirakan Nilai Bon Perlaksanaan.
- iv. Kirakan Nilai Wang Pendahuluan.
- v. Tuliskan formula untuk pengiraan potongan Wang Pendahuluan.
- vi. Kirakan nilai minimum untuk bayaran interim pertama.
- vii. Kirakan nilai minimum untuk bayaran interim berikutnya, bilakah syarat ini dikecualikan?

(15 markah)

- b) Apakah yang dimaksudkan dengan '*rationalization of rate*' dan bagaimana ianya dilaksanakan jika Kontrak itu berdasarkan Senarai Kuantiti?

(5 markah)

- c) i. Tarikh manakah yang dianggapkan sebagai tarikh kontrak dimeterai?  
 ii. Senaraikan dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan kepada P.P. sebelum kontraktor dibenarkan memulakan kerja di tapak bina.

(5 markah)

**SOALAN 2**

Dalam tatacara Penilaian Tender Baru yang dilaksanakan oleh JKR, terdapat tiga (3) peringkat penilaian yang perlu dilaksanakan untuk projek-projek di mana nilai tawaran melebihi RM 5 juta.

- a) Nyatakan ketiga-tiga peringkat tersebut serta gariskan perkara-perkara penting yang diambil kira dalam setiap peringkat.

(10 markah)

**Soalan 2 (sambungan)**

- b) Bagaimanakah caranya untuk menganalisa pentender usahasama/gabungan yang menyertai tawaran berdasarkan Penilaian Tender Baru?

(5 markah)

**SOALAN 3**

- a) Terdapat dua (2) jenis pelarasan harga kontrak melalui borang Perakuan Pelarasan Jumlah Harga Kontrak (PPJHK):
- Pelarasan disebabkan perubahan kerja di bawah A.P. 202(e)
  - Pelarasan-pelarasan lain di bawah A.P. 202(f).

Jelaskan maksud kedua-dua jenis tersebut berserta contohnya sekali dan nyatakan pihak-pihak berkuasa yang meluluskannya.

(10 markah)

- b) Denda Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan adalah pada kadar RM 0.0273%. Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan di atas dan bagaimana nilai peratus itu diperolehi?

(5 markah)

**SOALAN 4**

Di bawah peruntukan Syarat-syarat Kontrak Borang PWD 203A fasil 51:

- a) Nyatakan kesemua kesilapan/kegagalan kontraktor yang dilakukannya yang membolehkan Kerajaan menamatkan pengambilan kerja kontraktor.

(5 markah)

- b) Bincangkan tindakan yang boleh diambil akibat dari penamatkan pengambilan kerja kontraktor.

(10 markah)

SOALAN 5

- a) Sejak kebelakangan ini banyak tuntutan-tuntutan '*loss and expense caused by delay*' dibuat oleh kontraktor-kontraktor.

Di bawah fasal manakah dalam syarat-syarat Borang PWD 203A yang membenarkan tuntutan '*loss and expense caused by delay*' dibuat?

Bincangkan alasan-alasan tersebut.

(10 markah)

- b) Bagaimanakah tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh kontraktor berdasarkan fasal 43 Syarat-syarat kontrak, diproses sekiranya projek itu adalah melebihi RM 5 juta dan dibiayai oleh peruntukan persekutuan?

(5 markah)

SOALAN 6

Tuliskan nota-nota ringkas mengenai **lima (5)** daripada perkara-perkara berikut:

- a) Borang ATDA
- b) Kerja-kerja Undi
- c) Tempoh sah laku tawaran
- d) Wang Kos Prima
- e) Pampasan pekerja (*Workmen compensation*)
- f) Pendudukan separa oleh Kerajaan (*Partial occupation*)
- g) Siap berbahagian-bahagian (*Sectional completion*)
- h) Bayaran kemajuan
- i) Perakuan Kerja Tidak Siap (*Certificate of Non-completion*)
- j) Bon Perlaksanaan.

(15 markah)

SOALAN 7

- a) Kontrak A telah digubal berdasarkan borang JKR 203A dan mempunyai peruntukan bagi bayaran terus Kepada Subkontraktor Dinamakan. Dalam pelaksanaan kontrak ini, Kontraktor Utama telah mengemukakan tuntutan bernilai \$10,000.00 kepada Pegawai Penguasa (P.P.) dan memohon supaya nilai ini dipotong (*set-off*) dari wang yang akan dibayar kepada Subkontraktor Dinamakan atas alasan Kontraktor Utama telah mengalami kerugian kerana kemungkiran Subkontraktor Dinamakan.

Apakah tindakan yang seharusnya diambil oleh P.P. selaras dengan prosedur Jabatan Kerja Raya?

(8 markah)

- b) Terangkan secara ringkas **dua** (2) syarat-syarat khas kepada syarat-syarat kontrak, yang perlu dimasukkan ke dalam dokumen tender yang berdasarkan Borang JKR 203/203A.

(7 markah)

SOALAN 8

- a) Senaraikan dokumen-dokumen yang perlu ada dalam Dokumen Meja Tender bagi kontrak berdasarkan Senarai Kuantiti.

(5 markah)

- b) Tender hendaklah dipelawa dengan memasukkan notis tender dalam akhbar-akhbar harian. Nyatakan butir-butir yang perlu dijelaskan di dalam notis tender tersebut.

(5 markah)

- c) Anda selaku pegawai yang mengeluarkan dokumen tender kepada kontraktor, apakah perkara-perkara yang perlu diteliti dan disemak?

(5 markah)